

Headline **Anak lorong gelap**
Date **01 Dec 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **20,21**
Article Size **601 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,748**
PRValue **38,245**



Anak lorong gelap

Hidup mengemis, terbiar jadi barah masyarakat jika tak dibendung

Oleh **Nor Afzan Mohamad Yusof**

BUNDAR mata si kecil gambaran semangat menempuh setiap hari mendatang. Malangnya ia tidak membawa sekelumit erti sekiranya saban hari dihidangkan dengan persekitaran maksiat lagi menjijikkan di celah lorong kecil sekitar ibu kota.

Keindahan bangunan pencakar langit tidak dapat menafikan kehadiran si kecil yang akan 'lahir' saban tahun oleh ibu tanpa dapat dikesan mana satu bapanya. Percaya atau tidak hingga ke hari ini bilangan kanak-kanak itu mencecah ratusan dan mereka tidak bersekolah.

Chow Kit, kurang satu kilometer dari Menara Kembar Petronas dan antara jiran rapat Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) menterjemah kehidupan gelap dengan cara hidup murahan, penggunaan dadah serta kanak-kanak kelaparan mencari sesuap nasi.

Kanak-kanak yang paling muda sekitar usia lima tahun serta yang meningkat remaja berlegar-legar tanpa arah tujuan. Warga tempatan yang mempunyai sijil kelahiran, atau tidak memiliki sijil kelahiran tidak ketinggalan anak pendatang Rohingya dan sebagainya.

Selain Chow Kit, anak jalanan turut 'menghuni'

Pantai Dalam, Selayang dan Pudu. Segelintir pula, tidak mempunyai tempat perlindungan. Ada juga yang tidak boleh pulang kerana di rumah itulah juga ibunya bekerja sebagai pelacur.

Tidak keterlaluan dikatakan golongan ini adalah biasan

imej kepincangan dalam negara tetapi di pandang sebelah mata. Dijangkakan 100 juta kanak-kanak seluruh dunia tinggal di tepi jalan, dan

menurut UN, mereka menjadi sasaran paling mudah untuk di eksploitasi termasuk di dera.

Secara terang ia melanggar Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRS), iaitu hak mendapat pendidikan, hak untuk bermain, hak mendapat makanan dan hak mendapat perlindungan. CRS yang kini berusia 20 tahun, menyebut perjanjian itu meminta kerjasama seluruh penduduk dunia, daripada pemimpin sehingga rakyat biasa termasuk wanita, lelaki dan kanak-kanak untuk bersama-sama memikul tanggungjawab serta memastikan setiap kanak-kanak menikmati kehidupan bebas daripada kelaparan, pengabaian dan penganiayaan.

Perkara ini ditegaskan bukan hanya kerana pelaburan ini memberikan pulangan positif kepada negara ataupun kerana kanak-kanak memerlukan perlindungan masyarakat, pada hakikatnya ini adalah hak asasi bagi setiap kanak-kanak.

Disebabkan ibu bapa mereka tidak mampu menjadi pelindung, kanak-kanak amat terdedah dengan penculikan, penderaan seksual dan penyeludupan manusia, malah Chow Kit boleh dikategorikan sebagai hab terbesar penyeludupan manusia di Asia!

Laporan akhbar sebelum ini mendedahkan, penyeludupan manusia amat mudah berbanding menyeludup dadah di situ. Kadangkala ia berlaku atas keinginan ibu sendiri khususnya apabila berlaku kesempitan wang, mereka sanggup menjual kurang RM50.

Dua tahun lalu kerajaan ada melakukan gerakan menghapuskan penyeludupan manusia, tetapi kesannya

amat perlahan. Kebanyakan kanak-kanak ini tidak mempunyai sijil kelahiran, justeru mereka tidak boleh didaftar ke sekolah. Bagi yang mempunyai sijil kelahiran pula, ada tidak dapat meneruskan persekolahan kerana tidak mampu dari segi ekonomi.

Mahu atau tidak, kanak-kanak ini sewajarnya dipenuhi hak mereka walau ada mencebik kerana rata-rata mereka anak tidak sah taraf. Pun begitu membiarkan mereka terus menghirup udara kotor itu tidak membantu, sebaliknya boleh menjadi barah kepada masyarakat apabila mereka semakin dewasa.

Dr Hartini Zainuddin dari Yayasan Salam pada Bengkel Media anjuran Unicef mengenai Perlindungan Kanak-kanak (All Rights for All Children) baru-baru ini, berkata hanya menerusi pendidikan mampu mengubah hidup.

"Sekiranya kanak-kanak dibiarkan begitu, besar kemungkinan mereka

mewarisi pekerja ibu sebagai pekerja seks, diperalat atau dengan sukarela menjadi pengemis jalanan, pengedar dadah serta diperdagangkan," kata Penasihat Rumah Nur Salam.

Rumah Nur Salam menjadi pusat perlindungan kanak-kanak terbiar sekitar kawasan Chow Kit yang menjadi syurga di celah-celah lembah maksiat itu. Ia diasaskan Raja Azizan dan isteri, Arfidah Ab Latiff dua tahun lalu.

Anak jalanan, terlalu mudah dijadikan barang dagangan oleh sindiket yang hidup mewah atas kelemahan kanak-kanak yang tidak mengerti apa-apa serta ibu atau bapa yang mungkin hilang, melakukan kerja pelacuran serta menagih dadah. Malah kanak-kanak ditawarkan sebagai pelacur dan bahan porno bukan lagi sesuatu yang menghairankan.

"Kanak-kanak jalanan tidak memiliki tempat perlindungan. Mereka mengemis serta menjual diri hanya untuk sesuap nasi. Rata-rata mereka juga tidak mempunyai sijil kelahiran sungguhpun dilahirkan di Malaysia, menjadikan mereka tidak berhak di bumi sendiri. Malah dalam operasi pembersihan di kawasan berkenaan mereka selalu juga dijadikan sasaran. Keadaan berkenaan menjadikan mereka berasa bahawa mereka adalah kumpulan yang disingkirkan dalam masyarakat.

"Saya fikir tidak kiralah bagaimana latar belakang kanak-kanak berkenaan, yang paling mustahak kita membantu dan kerajaan pula bersungguh-sungguh

membantu. Saya melihat masih ada kekangan yang boleh diperbaiki. Umpamanya, sekiranya kanak-kanak itu tidak memiliki sijil kelahiran, maka banyak kemudahan seperti kesihatan tidak dapat nikmati sedangkan mereka ada hak. Tetapi disebabkan aspek perundangan sebegini, mereka terhalang daripada menikmatinya. Sedangkan kelahiran mereka bukan atas permintaan mereka," katanya.

Rumah itu mendapat sokongan kerajaan walaupun pada peringkat awal penubuhan mendapat bantahan lantaran membantu pelacur menjaga anak-anak mereka, tetapi kata Dr Hartini, kita tidak dapat menolak realiti kewujudan mereka dan kelahiran itupun adalah akibat kelalaian ibu atau bapanya. Tetapi mending jari dan saling menyalahkan antara pihak berkaitan langsung tidak membantu kanak-kanak yang rata-rata semakin meningkat ke usia remaja itu.

"Sekiranya tidak, mereka mungkin akan mewarisi pekerjaan ibu mereka dan melakukan perkara yang tidak baik di kemudian hari. Sekiranya kita tidak melindungi mereka, besar kemungkinan mereka akan turun

Headline **Anak lorong gelap**
Date **01 Dec 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **20,21**
Article Size **601 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,748**
PRValue **38,245**

temurun menjadi pelacur dan itulah yang kita tidak mahu," katanya.

Kanak-kanak lorong gelap tidak akan terhapus begitu saja tanpa usaha berterusan dan serius daripada kerajaan kerana mereka memerlukan persekitaran kondusif menerusi mekanisma yang terbaik juga.

INFO

Hak Kanak-Kanak

KANAK-KANAK masa depan negara. Persekitaran positif perlu disediakan bagi memastikan setiap kanak-kanak dapat membesar serta merealisasikan potensi mereka yang sebenar. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) sedikit sebanyak membantu untuk membentuk persekitaran ini, khususnya untuk kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah dengan menetapkan piawai untuk penjagaan kesihatan, pendidikan serta perkhidmatan perundangan, sivil dan sosial.

Walaupun usaha merealisasikan visi dan nilai yang termaktub di dalam CRC adalah tanggungjawab kerajaan, masyarakat secara keseluruhannya turut bertanggungjawab untuk men-

capai matlamat ini. Ibu bapa, guru, pekerja industri kesihatan, peguam dan juga kanak-kanak turut memainkan peranan yang penting setiap hari untuk melindungi dan menjamin hak semua kanak-kanak. Masyarakat penyayang memberi kanak-kanak hak mereka.

■ Hak mendapat makanan

- setiap kanak-kanak yang lahir mempunyai hak untuk hidup. Makanan berzat dan air yang bersih adalah perkara-perkara paling asas yang diperlukan kanak-kanak untuk tumbesaran fizikal dan mental yang baik serta kehidupan yang sihat. Salah satu cara untuk terus melindungi hak kanak-kanak dan keluarga mereka adalah dengan memastikan mereka sentiasa mendapat makanan secara berterusan.

■ Hak untuk bermain

- bermain serta mengambil bahagian dalam aktiviti adalah hak penting bagi kanak-kanak. Ia menggalakkan penjiwaan kreativiti, pembinaan

keperibadian dan tumbesaran sosial, fizikal dan minda. Tetapi masih masih terdapat kanak-kanak yang tidak berpeluang untuk bermain dan beribadah akibat konflik, penyakit dan eksploitasi. Oleh sebab itu sua-

sana sosial dan fizikal yang selamat adalah penting supaya anak-anak kita bebas untuk beriadah dan berinteraksi, sekali gus menjadikan mereka individu penyayang yang bebas untuk membentuk masa depan mereka.

■ Hak mendapat pendidikan

- pendidikan adalah asas penting kepada masa depan yang cemerlang bagi setiap kanak-kanak. Peluang untuk belajar dapat memperoleh manfaat daripada pembangunan adalah hak setiap kanak-kanak tanpa mengira jantina, bangsa, latar belakang kewangan, kecacatan, kerakyatan ataupun status HIV. Hanya apabila setiap kanak-kanak mampu membaca dan menulis, dapat kita mengurangkan kadar kemiskinan dan menjamin pembangunan kemanusiaan dalam semua komuniti.

■ Hak mendapat perlindungan

- Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk membesar di dalam suasana yang selamat serta bebas daripada penganiayaan, pengabaian, eksploitasi dan diskriminasi. Namun masih ramai kanak-kanak yang terdedah kepada ancaman keganasan dalam persekitaran mereka. Ini termasuklah di rumah, di sekolah, sistem penjagaan dan komuniti. Untuk

memastikan bahawa mereka dapat menikmati zaman kanak-kanak yang ceria, masyarakat harus berganding bahu dalam membanteras keganasan terhadap kanak-kanak.

“Kanak-kanak jalanan tidak memiliki tempat perlindungan. Mereka mengemis serta menjual diri hanya untuk sesuap nasi. Rata-rata mereka juga tidak mempunyai sijil kelahiran sungguhpun dilahirkan di Malaysia”

Dr Hartini Zainuddin

Penasihat Rumah Nur Salam



KANAK-KANAK lorong gelap wajar mendapat hak mereka seperti kanak-kanak lain.